

23 JAN 2002

Mahathir-PBS

PBS DITERIMA SERTAI SEMULA BN, PERMOHONAN TIGA PARTI LAIN DITOLAK

KUALA LUMPUR, 23 Jan (Bernama) -- Parti Bersatu Sabah (PBS) hari ini diterima untuk menyertai semula Barisan Nasional selepas meninggalkannya pada 1990.

Keputusan itu dicapai pada mesyuarat Dewan Tertinggi BN di sini yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir berkata mesyuarat hari ini juga membuat keputusan menolak permohonan tiga parti lain iaitu Barisan Progresif India (IPF), Parti Punjabi dan Kongres India Muslim Malaysia (Kimma) untuk menyertai BN.

Perdana Menteri memberitahu sidang media selepas mesyuarat itu bahawa BN menerima kemasukan PBS tanpa sebarang syarat dan PBS juga tidak meletakkan apa-apa syarat untuk menyertai BN.

Dr Mahathir, yang juga pengerusi BN, berkata PBS perlu patuh kepada peraturan BN dan tidak boleh mengangap bahawa kemasukannya mesti dibalas dengan sesuatu untuk diri mereka.

"Namun demikian, BN berhak untuk membuat apa-apa keputusan untuk PBS dan ahlinya," katanya.

Permohonan PBS untuk menyertai semula BN diserahkan sendiri oleh presidennya Datuk Joseph Pairin Kitingan kepada Dr Mahathir pada 15 Nov lepas.

Ketika ditanya sama ada keputusan hari ini akan menyebabkan sistem penggiliran Ketua Menteri Sabah dihentikan, beliau berkata perkara itu tidak dibincang langsung.

Kepada soalan sejauh mana BN yakin PBS tidak akan meninggalkan lagi gabungan itu, Dr Mahathir berkata : "Saya tidak boleh tilik...kadang-kadang berlaku perkara yang kita tak tahu."

Ketika ditanya sama ada beliau menjangka masalah akan timbul pada pilihan raya umum akan datang daripada segi pengagihan kerusi, Perdana Menteri berkata beliau tidak menjangka apa-apa kerana BN mendapat sokongan majoriti.

Kepada soalan sama ada beliau berpendapat beberapa parti yang mewakili kaum Kadazandusun perlu bergabung, Dr Mahathir berkata terpulang kepada mereka untuk menentukannya.

Mengenai permohonan IPF untuk menyertai BN, beliau berkata MIC sekali lagi menyatakan kesediaannya menerima IPF ke dalam MIC.

"Tetapi kita tidak dapat mencapai kata sepakat mengenai penyertaan IPF sebagai anggota komponen BN," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata mesyuarat berpendapat satu cara harus dicari tentang bagaimana IPF boleh mengambil bahagian dalam BN tetapi bukan sebagai anggota komponen.

Dr Mahathir berkata beliau turut menjelaskan tentang konsep negara Islam dan semua anggota BN bersetuju bahawa mereka tidak mempunyai masalah dengan perkara itu.

Mengenai ekstremisme, beliau berkata tindakan akan diambil terhadap sesiapa yang terlibat dalam kegiatan seumpama itu tanpa mengira kaum.

"Ekstremisme tidak terhad kepada satu kaum," kata Dr Mahathir sambil menjelaskan bahawa jika mana-mana kaum terlibat dengan kegiatan ekstremisme dan percubaan untuk membangkitkan perasaan perkauman yang keterlaluan, tindakan akan diambil terhadap mereka.

Ini, katanya, menjadi bukti bahawa tidak berlaku pilih kasih dalam perkara itu.

Ketika ditanya sama ada kerajaan Indonesia telah memohon maaf secara

rasmi kepada Malaysia ekoran masalah yang ditimbulkan oleh pekerja negara itu di sini, beliau berkata setahunya, tidak ada permohonan maaf yang dibuat.

"(Menteri Luar) Datuk (Seri) Syed Hamid (Albar) tidak memberitahu apa-apa kepada saya. Jadi, saya membuat andaian kita belum terima," katanya.

-- BERNAMA

MAM DC MAI